



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama	Profil Kementerian ▾	Piagam Pelanggan	Hubungi Kami ▾
-----------------------	--------------------------------------	----------------------------------	--------------------------------

[Utama](#) [Arkib](#) [2017](#) [Petikan Akhbar](#)

Berita Harian - Pasangan Dalang Tipu GST RM25.58j Ditahan

Berita Harian - Pasangan Dalang Tipu GST RM25.58j Ditahan

🕒 Rabu, Ogs 30 2017



Pasangan dalang tipu GST RM25.58j ditahan

➡ **Peniaga buat tuntutan palsu terbesar setakat ini, akaun turut dibeku**

Oleh **Zanariah Abd Mutalib**
zanariah_mutalib@bh.com.my
Putrajaya

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menahan sepasang suami isteri, dipercayai dalang utama penipuan tuntutan pemulangan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berjumlah RM25.58 juta.

Ketua Pengarahnya, Datuk Seri T Subromaniam, berkata lelaki berusia 50-an itu ditahan di Ipoh, Perak pada 25 Ogos lalu, manakala isterinya berusia 40-an ditahan di Kuala Lumpur pada 27 Ogos lalu, susulan siasatan oleh jabatan itu sejak beberapa bulan lalu.

"Suspek utama yang juga ahli

perniagaan ditahan bersama wang tunai RM200,000 dan pelbagai mata wang asing, manakala isterinya pula membawa RM182,000. Akaun mereka turut dibekukan.

Suami isteri dituduh di mahkamah hari ini
"Mereka akan dituduh di Mahkamah Sesyen Ipoh, Perak esok (hari ini) mengikut Seksyen 89(1)(b) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, bagi kesalahan membuat apa-apa pernyataan atau catatan palsu dalam mana-mana penyata," katanya.

Bercakap pada sidang media di sini semalam, Subromaniam berkata, kes penipuan itu dipercayai yang terbesar membabitkan tuntutan palsu GST setakat ini.

"Kita mempunyai sistem canggih, pengurusan risiko, audit dan bahagian siasatan. Jadi, kita tahu jika ada fakta tidak kukuh dan tuntutan mana yang benar atau palsu.

"Sebagai contoh, apabila ada perniagaan yang tidak mencerminkan keadaan sebenar, kita akan buat siasatan. Jadi, tidak mudah untuk mereka terlepas," katanya.

Subromaniam percaya ramai lagi suspek terbabit dalam kes penipuan itu, termasuk mereka yang diperdayakan oleh pasangan berkenaan.

Mengenai kutipan GST tahun ini, beliau berkata, ia dijangka melebihi kutipan RM47.2 bilion tahun lalu berdasarkan pertumbuhan ekonomi negara yang baik.

Suspek utama yang juga ahli perniagaan ditahan bersama wang tunai RM200,000 dan pelbagai mata wang asing, manakala isterinya bawa RM182,000"

T Subromaniam,
Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia



BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro

e-Penyertaan & Maklumbalas

Statistik & Prestasi

Pautan

Agensi

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📞 03-88823893 / 03-88823894

✉ pro[at]treasury[dot]gov[dot]my



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) |
[Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **12 Februari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**